1249/1
SEJARAH
KERTAS 1
NOVEMBER
2004
1 JAM

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA CAWANGAN TERENGGANU**
*DENGAN KERJASAMA*
**JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2004**

**TINGKATAN EMPAT**

---

# SEJARAH

**KERTAS 1**

**Satu jam**

---

## JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

*Arahan*

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan
2. Jawab semua soalan

---

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak



Skema jawapan: www.banksoalanspm.com

SULIT

Arahan : Tiap-tiap soalan diikuti oleh *empat* pilihan jawapan. Pilih ***satu*** jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan dan ***hitamkan*** ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.

- Syed Naguib al-Attas
- Richard Sullivan

1. Apakah persamaan pandangan kedua-kedua tokoh di atas berhubung konsep tamadun?

A. Menekankan kebudayaan
B. Mementingkan keselamatan
C. Mementingkan unsur lahiriah
D. Menekankan unsur lahiriah dan rohaniah

Kod Undang-Undang Hammurabi dianggap sumbangan besar kepada kelangsungan tamadun Mesopotamia dan manusia sejagat

2. Pemikiran penting yang terdapat dalam perundangan di atas ialah

A. persamaan hak dan kebebasan
B. mengutamakan golongan atasan
C. mementingkan golongan bawahan
D. perincian undang-undang Legalisme

3. Mengapa masyarakat Mesir amat menghormati mayat yang dimakamkan ?

A. Mempercayai kehidupan selepas kematian.
B. Menghormati kematian nenek moyang
C. Roh si mati mengganggu manusia
D. Roh simati menjadi burung

Tokoh A : Hubungan perdagangan dengan wilayah luar semasa tamadun Indus berlaku dengan Mesopotamia.

Tokoh B : Ini dirujuk kepada jumpaan oleh ahli arkeologi

4. Apakah jumpaan tersebut ?

A. Batu Bersurat Indus
B. Penemuan cop mohor
C. Tembikar dari pedagang Indus
D. Tinggalan kapal layar pedagang

Skema jawapan: www.banksoalanspm.com

Monarki → Oligarki → Aristokrasi → Diktator → Demokrasi

5. Perubahan bentuk pemerintahan dalam tamadunYunani seperti dalam rajah di atas menunjukkan masyarakat Yunani sentiasa

A. mencuba bentuk-bentuk pemerintahan yang berkesan
B. berusaha meningkatkan aspek pemerintahan
C. mengelak penjajahan kuasa asing
D. bersedia untuk berubah

- Yoga ------- Tamadun India
- Yin dan Yang ------- Tamadun China

6. Mengapakah kedua-dua konsep di atas berpengaruh dalam kehidupan tamadun manusia?

A. Meramalkan bencana alam.
B. Menentukan nasib baik dan buruk
C. Membantu menghubungi roh si mati.
D. Mengimbangi kesihatan dalam kehidupan.

7. Antara pernyataan di bawah, yang manakah benar tentang seni bina tamadun di dunia ?

I Acropolis berperanan untuk menghubung bandar di Yunani
II Tembok Basar berperanan untuk pertahanan di China
III Stupa Besar untuk tujuan keagamaan di India
IV Aqueduct berfungsi untuk bekalan air di Rom

A. I, II dan III
B. I, II, dan IV
C. I, III, dan IV
D. II, III dan IV

Skema jawapan: www.banksoalanspm.com

Taoisme

8. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan ajaran Taoisme?

I. Konsep Tao
II. Prinsip Wu- Wei
III. Ren, Li dan Xiao
IV. Empat Kebenaran Mulia

A. I dan II
B. II dan III
C. III dan IV
D. I dan IV

- Sungai Irrawadi
- Sungai Merah
- Sungai Mekong

9. Kerajaan awal yang muncul di Asia Tenggara memanfaatkan aspek geografi di atas dengan

A. kegiatan pertanian
B. pelabuhan perniagaan
C. sumber pengangkutan utama
D. aktiviti penangkapan ikan komersial

- Langkasuka
- Kedah Tua
- Srivijaya

10. Antara persamaan kerajaan-kerajaan di atas ialah

I menjalankan ekonomi berasaskan pertanian
II maju kerana perkembangan pelabuhannya
III terletak berhampiran pesisir pantai
IV mahir dalam pelayaran

A. I, II dan III
B. I, II, dan IV
C. I, III, dan IV
D. II, III dan IV

Skema jawapan: www.banksoalanspm.com

- Candi Borobudor
- Bahasa Sanskrit
- Epik Ramayana dan Mahabharata

11. Apakah rumusan yang boleh dibuat berdasarkan pernyataan di atas?

A. Pengaruh Hindu-Buddha
B. Kepentingan pendidikan
C. Kepakaran seni bina.
D. Pemimpin berwibawa.

12. Angkor Wat mempunyai keistimewaan dan keunikan yang tersendiri jika dibandingkan dengan candi-candi yang terdapat dalam kerajaan awal di Asia Tenggara.
Antara keunikannya ialah

A. ukiran mengisahkan epik Ramayana dan Mahabharata.
B. mengandungi patung Buddha di dalamnya
C. terbahagi kepada tiga tingkat.
D. dibina dalam masa tiga tahun.

Kedudukan wanita dalam masyarakat Arab Jahiliah adalah rendah.

13. Apakah bukti yang menunjukkan keadaan di atas?

I Anak perempuan dianggap menjatuhkan maruah
II Tidak boleh mewarisi harta pusaka
III Tidak diiktiraf oleh orang Arab
IV Golongan yang ditindas

A. I, II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV

14. Nabi Muhammad s.a.w. mempunyai kedudukan yang tinggi dan dihormati oleh masyarakat tetapi baginda sentiasa merendah diri.
Apakah bukti kepada pernyataan di atas?

A. Sering memikirkan kehidupan masyarakat di sekelilingnya
B. Mengampunkan orang Arab Quraisy yang menyerah diri
C. Bergaul dengan semua lapisan masyarakat
D. Selesaikan peristiwa Hajar Aswad

Skema jawapan: www.banksoalanspm.com

| |
|---|
| Surah Al Alaq 1-5 memerintahkan umat Islam supaya membaca |

15. Mengapakah sikap membaca dituntut dalam agama Islam?

A. Setanding dengan pencapaian Rom dan Yunani
B. Menambahkan ilmu pengetahuan
C. Membetulkan akidah masyarakat
D. Menyebarkan agama Islam

- Tidak menjalankan aktiviti jual beli dengan keluarga Nabi Muhammad s.a.w
- Tidak berkahwin dengan anggota keluarga Nabi Muhammad s.a.w
- Tidak membantu keluarga Nabi Muhammad s.a.w

16. Tindakan di atas menunjukkan pemulauan yang dilancarkan oleh orang Quraisy terhadap Islam. Mengapakah pemulauan ini bertahan 3 tahun sahaja ?

A. Ada orang Quraisy yang menghulurkan bantuan
B. Orang Islam berunding dengan orang Quraisy
C. Orang Quraisy bersifat berpuak-puak
D. Bekalan makanan mencukupi

Orientalis Barat:

*Hijrah sebagai satu pelarian*

17. Berdasarkan pengetahuan anda, bagaimanakah untuk menyangkal pendapat orientalis Barat?

A. Semua penduduk Madinah telah diislamkan
B. Orang Quraisy takut menghadapi kenyataan
C. Nabi Muhammad menjadi pemimpin Madinah
D. Harta orang Ansar diserahkan kepada orang Muhajirin

Skema jawapan: www.banksoalanspm.com

| |
|---|
| Peristiwa Hijrah menampakkan kebijaksanaan Nabi Muhammad s.a.w mengatur strategi perjuangan |

18. Apakah bukti pernyataan di atas?

I Memilih jalan ke Madinah menerusi utara Makkah
II Memilih Ali bin Abu Talib sebagai jurupandu
III Melalui jalan ke selatan menuju ke Tihamah
IV Bersembunyi di Gua Thur sebelum ke Madinah

A. I dan II
B. II dan III
C. III dan IV
D. I dan IV

19. Nabi Muhammad membangunkan Madinah mengikut kebijaksanaannya. Inilah yang membezakan Baginda dengan pemimpin dunia yang lain. Apakah perbezaan tersebut?

A. Memodenkan negara terlebih dahulu
B. Memajukan ekonomi negara setelah negara maju
C. Mengemaskini pentadbiran negara setelah kedudukan mantap
D. Menyusun perlembagaan negara sebelum mengasas kerajaan

| |
|---|
| • Perang Khandak<br>• Perang Badar<br>• Perang Uhud |

20. Apakah tujuan perang dalam Islam?

A. Untuk kepentingan diri
B. Untuk mendapat kemegahan
C. Untuk mempertahankan bangsa
D. Untuk mempertahankan maruah diri

| |
|---|
| • Syura<br>• Baiah |

21. Maklumat di atas merujuk kepada kaedah perlantikan khalifah kerajaan Khulafa al-Rasyidin. Pada pendapat anda,mengapakah kaedah ini wajar diteruskan?

A. Menuruti wasiat Nabi Muhammad s.a.w.
B. Menggelakkan pewarisan jawatan khalifah
C. Memastikan perlantikan pentadbir yang tepat
D. Menghindarkan pengaruh Yahudi dalam pentadbiran

Skema jawapan: www.banksoalanspm.com

| |
|---|
| Khalifah merupakan pengganti yang bertanggungjawab memerintah dan mentadbir kerajaan Islam selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w. |

22. Apakah tugas seorang khalifah?
I Menjaga kebajikan rakyat jelata
II Memelihara kedudukan agama Islam
III Memperkenalkan pelbagai jenis cukai
IV Melantik dan melucutkan pegawai pentadbir

A. I, II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV

| |
|---|
| Baitulhikmah |

23. Maklumat di atas merujuk kepada institusi yang ditubuhkan oleh khalifah Harun al-Rasyid. Apakah peranan institusi di atas ?

A. Pusat pentadbiran
B. Pusat perdagangan
C. Pusat penyelidikan
D. Pusat penterjemahan

| Jumlah Penduduk Islam Di Balkan | |
|---|---|
| Wilayah | Peratus |
| Bosnia | 45% |
| Sofia | 66% |
| Edirne | 82% |

24. Apakah kesan daripada penghijrahan orang Islam Turki ke kawasan Balkan ?

A. Meletusnya peperangan antara orang Islam dengan Kristian
B. Penghijrahan keluar penduduk Kristian dari Balkan
C. Kerajaan-kerajaan kecil di Eropah menjadi lemah
D. Islam dapat disebarkan secara meluas ke Eropah

25. Faktor yang mempertemukan pedagang-pedagang dari pelbagai pelosok di Asia Tenggara ialah

A. dasar kerajaan
B. usaha pemimpin
C. peranan mubaligh
D. tiupan angin monson

Skema jawapan: www.banksoalanspm.com

- Pesantren
- Dayah
- Pondok

26. Apakah kepentingan institusi di atas kepada perkembangan agama Islam di Kepulauan Melayu?

A. Golongan raja menuntut ilmu
B. Mempelajari agama secara formal
C. Tempat beribadat menggantikan masjid
D. Persinggahan pendakwah dan mubaligh

| Wali Songo (Wali Sembilan) |
|---|

27. Antara berikut yang manakah menerangkan tentang cara tokoh di atas berdakwah?

I. Menanamkan semangat tentang maksud bekerja
II. Mengelakkan hidup secara mewah dan membazir
III. Menekankan kekuasaan yang ada pada Nabi Muhammad s.a.w.
IV. Menghapuskan pengangguran dengan mengikis sifat malas

A. I, II dan III
B. I, II danIV
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV

28. Mengapakah pengaruh tulisan jawi lebih meluas dalam bahasa Melayu?

A. Tulisan jawi mudah difahami
B. Ramai menjadi hafis al- Quran
C. Bahasa Arab menjadi bahasa al- Quran
D. Menjadi tulisan rasmi dalam pentadbiran

29. Sebelum kedatangan Islam, Tanah Melayu mengamalkan institusi pemerintahan beraja. Institusi raja ini dipengaruhi oleh agama

A. Pagan
B. Kristian
C. Animisme
D. Hindu-Buddha

Skema jawapan: www.banksoalanspm.com

30. Konsep daulat dapat mengukuhkan institusi Kesultanan Melayu. Bagaimanakah konsep daulat tersebut diperkukuhkan?

I. Bahasa
II. Pakaian
III. Permainan
IV. Tingkah laku

A. I, II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV

31. Dalam Adat Perpatih mengandungi 12 suku dan setiap suku dianggap sebuah keluarga yang besar. Bagaimanakah hubungan mereka sangat harmoni?

A. Menegah perkahwinan sesama suku
B. Mengutamakan kaum perempuan
C. Harta warisan dibahagi sama
D. Mengamalkan musyawarah

| |
|---|
| Siakap senohong gelama ikan duri,<br>bercakap bohong lama-lama mencuri |

32. Pepatah Melayu di atas digunakan dalam pendidikan tidak formal orang Melayu. Mengapakah pepatah tersebut digunakan?

A. Mengekalkan sastera lisan
B. Mengajar membina pantun
C. Menerap unsur-unsur pengajaran
D. Menentukan hukuman yang diterima

| |
|---|
| • Tiada pentadbiran pusat yang berkesan<br>• Gereja mengongkong masyarakat<br>• Perdagangan tidak meluas |

33. Senarai di atas menunjukkan ciri-ciri zaman

A. Gelap
B. Renaissance
C. Reformation
D. Imperialisme

Skema jawapan: www.banksoalanspm.com

| |
|---|
| Pendirian dan ajaran Martin Luther dikenali sebagai mazhab Protestan yang berasal daripada perkataan ***protesting*** yang bermaksud membantah |

34. Apakah isu yang dibantah oleh beliau ?

A. Penyembahan keramat
B. Sifat keterbukaan gereja
C. Penjualan sijil Indulgences
D. Sikap angkuh pihak gereja

35. Revolusi Pertanian merupakan faktor penting membantu perkembangan Revolusi Perindustrian di Britain kerana membekalkan

I. sumber tenaga semula jadi
II. makanan yang mencukupi
III bahan dagangan
IV. sumber modal

A. I, II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV

36. Revolusi Perindustrian menyebabkan Britain terdorong untuk menjajah negara lain. Mengapa?

I. Memperkenalkan kemajuan mereka
II. Memerlukan banyak bahan mentah
III. Meluaskan pasaran barangan kilang
IV. Menyaingi kuasa penjajah lain

A. I dan II
B. II dan III
C. III dan IV
D. I dan IV

37. Dasar penjajah British telah menyebabkan ketidakseimbangan ekonomi berlaku di Tanah Melayu. Apakah bukti penyataan di atas?

I. Wujud dua bentuk ekonomi
II. Kekurangan kemudahan asas
III. Tumpuan kepada pelabur asing
IV. Pembangunan wilayah yang tidak setara

A. I dan II
B. II dan III
C. III dan IV
D. I dan IV

Skema jawapan: www.banksoalanspm.com

38. Pelombong Eropah mula menguasai sektor perlombongan bijih timah menjelang awal abad ke-20. Mengapa?

I. Kemampuan menyediakan modal
II. Perubahan corak tenaga kerja
III. Peningkatan permintaan
IV. Kecanggihan teknologi

A. I, II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV

- Kheh-thau mengumpulkan buruh di China
- Bakal imigran dikenali sebagai Sin Kheh
- Sin Kheh membuat perjanjian akan membayar hutang dengan cara bekerja dengan majikan untuk satu tempoh tertentu.

39. Maklumat di atas merujuk kepada cara kedatangan buruh dari China ke Tanah Melayu. Apakah cara tersebut?

A. Sistem rumah kongsi
B. Sistem kakitangan
C. Sistem tiket kredit
D. Sistem suka rela

Akta Tanah Simpanan Melayu telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Persekutuan pada 25 November 1913

40. Apakah kesan daripada pelaksanaan akta tersebut ke atas orang Melayu?

A. Mengekalkan aktiviti pertanian tradisional
B. Keluasan tanah milik mereka bertambah
C. Mendapat hak pengecualian cukai tanah
D. Keselamatan harta mereka terjamin

**KERTAS SOALAN TAMAT**

Skema jawapan: www.banksoalanspm.com